

**LAPORAN TEKNIKAL PENYELIDIKAN FRG155-SSK-1/2008**  
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

*Auditing Prestasi Pemimpin/Wakil Rakyat Barisan Nasional: Kajian Kes Kawasan  
Parlimen Barisan Nasional-UMNO Sabah.*

**Penyelidik**

**Sabihah Osman (Ketua Penyelidik)**  
**Zaini Othman**  
**Syahruddin Awang**  
**Md Saffie Abdul Rahim**  
**Mohammad Shauki M.Radzi**  
**Rizal Zamani Idris**  
**Baszley Bee Basrah Bee**  
**Ismail Ali**  
**Wan Shawaluddin Wan Hassan**  
**Saat Awang Damit**  
**Mosli Tarsat**  
**Budianto Mohd Tamrin**  
**Azizan Morshidi**  
**Fauzi Sarjono**

**Sekolah Sains Sosial**  
**Universiti Malaysia Sabah**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## Bab 1

### PENGENALAN & PERMASALAHAN KAJIAN

#### Pendahuluan

Sebagaimana yang telah tersedia maklum, malahan tidak keterlaluan untuk dinyatakan disini bahawa, dalam konteks pembangunan politik Malaysia, Barisan Nasional adalah parti pemerintah yang begitu hegemoni kedudukannya. Ini amat jelas malah turut di persetujui oleh para sarjana politik, samada dari dalam atau luar negeri yang mengkaji perkembangan politik Malaysia<sup>1</sup>. Justeru, persoalan hegemoni politik Barisan Nasional adalah suatu aspek yang amat menarik untuk diteliti, khususnya dalam konteks persaingan pilihanraya antara Barisan Nasional Sabah-UMNO dengan parti-parti pembangkang seperti Democratic Action Party (DAP), Parti Islam seMalaysia (PAS), dan juga KeAdilan. Oleh kerana Barisan Nasional adalah satu-satunya parti politik yang memerintah Malaysia semenjak dari tahun 1964 hingga kini [2006], sebarang persaingan politik yang boleh menggugat hegemoni Barisan Nasional bakal dilihat oleh para pemerhati dan pengamat sebagai suatu perkembangan yang menarik perhatian ramai samada dari kalangan kelompok masyarakat awam atau komuniti akademik.

Dan yang lebih menarik untuk diperhati serta dianalisis adalah setiap kali hegemoni politik Barisan Nasional<sup>2</sup> tergugat atau disaingi secara hebat oleh parti-parti

<sup>1</sup> Banyak penjelasan dan perbahasan yang telah dibuat bagi menghuraikan fenomena tersebut. Kebanyakan sarjana seperti Nidzam Sulaiman (2006, 1994), Andrew Aeria (1997), Chin (1981, 1996, 1997), Leigh (1979, 1988, 1989, 1992), Jayum (1987, 1993, 1994), Jayum & King (2004) menghujahkan bahawa kejayaan Barisan Nasional menguasai tampok pemerintahan dan seterusnya memenangi setiap pilihanraya yang diadakan disebabkan oleh dasar-dasar *purposive-depoliticization* yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Hasutan (AH), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Pendaftaran Pertubuhan (APP) dan pengdaaman Barisan Nasional ke atas aparat-aparat pemerintah seperti Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Pentadbiran Awam (PA), Jabatan Penerangan, Pasukan Keselamatan dan lain-lain yang berkaitan. Bentuk dasar tersebut telah memberi kelebihan kepada Barisan nasional untuk menghalang saingan politik yang diwujudkan oleh pihak pembangkang khususnya sewaktu pilihanraya dan seterusnya mengekalkan status-quo.

<sup>2</sup> Fenomena ini dapat diperhatikan dalam konteks pilihanraya Parlimen & DUN Sabah 1990, 1995, 1999, 2004, disebalik krisis kepimpinan yang berlaku di peringkat Barisan Nasional Negeri dan Persekutuan, parti tersebut masih mampu mengekalkan hegemoni politik mereka dengan mendapat mandate daripada rakyat dalam pilihanraya yang diadakan.

